



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (78) 06/11

KEMENTERIAN PERTAHANAN PERKUKUH TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PERTINGKAT PROGRAM INTEGRITI

1. KUALA LUMPUR, 12 November 2024 - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah hadir menyempurnakan Perasmian Sambutan Hari Integriti Nasional 2024 Peringkat Kementerian Pertahanan Malaysia bertempat di Auditorium Kementerian Pertahanan hari ini.
2. Kementerian Pertahanan berhasrat untuk memperkuuhkan tatakelola dan membendung isu salah laku terutama gejala rasuah di kalangan warga Kementerian dengan menerapkan pelbagai program pengukuhan. Pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan dalam menyahut hasrat Kerajaan Malaysia MADANI dalam menambahbaik tadbir urus pengurusan di Kementerian ini.
3. Sambutan Hari Integriti peringkat Kementerian Pertahanan Tahun 2024 memberi penekanan ke atas beberapa perkara termasuklah **penambahbaikan prosedur dalam tadbir urus di Kementerian, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan serta pematuhan kepada arahan Kerajaan yang berkuatkuasa**. Peranan semua peringkat penting bagi memastikan sebarang faktor yang menjurus ke arah ketidakpatuhan agar perkara dapat dibendung dan sentiasa bersedia melaporkan sebarang salah laku yang berlaku.
4. Majlis perasmian ini juga turut dihadiri oleh **Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia; Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki**, yang menyaksikan sesi lafadz Ikrar Bebas Rasuah yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Lokman Hakim Ali di hadapan 450 warga kerja Kementerian Pertahanan mewakili perkhidmatan awam serta perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Majlis ini turut disusuli dengan **sesi menandatangani ikrar** oleh kedua-dua pihak di antara **Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan serta Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia** disaksikan oleh Menteri Pertahanan.
5. Sebagai **galakan pembudayaan integriti secara kreatif dan inovatif**, Sambutan Hari Integriti di peringkat Kementerian pada tahun 2024 ini juga diselitkan dengan beberapa aktiviti sampingan termasuklah Selfie Integriti, Tiktok Integriti, Teka Silang Kata, Kuiz Kahoot yang telah berjalan bagi sepanjang tempoh bulan November ini serta sesi tayangan integriti yang akan diadakan pada 13 November 2024.

6. Hadir sama adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan); Datin Roszanina binti Wahab, Panglima Angkatan Bersama, Leftenan Jeneral Dato' Zahani bin Hj Zainal Abidin TUDM; Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim serta pegawai-pegawai kanan awam dan ATM Kementerian Pertahanan Malaysia.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

12 November 2024